

**Kehilangan Pesawat Tidak Jejas Permintaan Naik MAS : RHB Research
Bernama
17 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- RHB Research berkata kehilangan Penerbangan MH370 Malaysia Airlines (MAS) dijangka tidak mendatangkan impak teruk terhadap permintaan pelancongan udara syarikat penerbangan nasional itu dalam jangka sederhana.

"Peristiwa itu adalah satu lagi halangan terhadap prospeknya untuk kembali meraih keuntungan, tetapi setakat ini trend tempahan penerbangan dan faktor muatan MAS jelas tidak berubah dan tidak ada tanda-tanda ia semakin perlahan," kata syarikat penyelidikan itu dalam satu nota Isnin.

Kegiatan promosi dihentikan, dan laman web syarikat penerbangan itu 'digelapkan' - laman 'terpendam' setelah semua bahan promosi ditiadakan untuk memberi maklumat dan berita terbaharu mengenai kehilangan MH370 itu.

"Laman web yang 'digelapkan' hanya diaktifkan dalam keadaan krisis dan dalam kes ini kami tidak dapat mengandaikan tempoh masanya," kata RHB Research yang menyarankan saham syarikat itu 'dijual'.

RHB Research juga menurunkan taraf sektor penerbangan tempatan kepada 'neutral' daripada 'beli lebih' tanpa sebarang hasil diraih daripada penggiat industri tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022456>